



11 September 2013  
11 September 2013  
P.U. (A) 285

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 11) 2013

*STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 11) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 11) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 11) 2013**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 3 Julai 2012 hingga 2 Julai 2015.

**Pengecualian**

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2) dan (3), surat cara yang dinyatakan dalam Jadual Pertama yang disempurnakan oleh orang yang layak menurut skim percantuman atau skim pemerolehan yang telah diluluskan oleh Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia, adalah dikecualikan daripada duti setem.

(2) Bagi maksud subperenggan (1)—

(a) orang yang layak yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah seorang yang bermastautin di Malaysia dan menjalankan perniagaan menyediakan perkhidmatan yang layak sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, yang—

(i) dimiliki secara sepenuhnya dan secara langsung oleh warganegara; dan

(ii) telah mencapai perolehan jualan tahunan kurang daripada lima juta ringgit; atau

(iii) mempunyai kurang daripada lima puluh orang pekerja sepenuh masa; dan

(b) skim percantuman dan skim pemerolehan yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah dijalankan di antara orang yang layak pada atau selepas 3 Julai 2012 tetapi tidak lewat dari 2 Julai 2015.

### **Pemakaian**

3. Pengecualian yang disebut dalam perenggan 2 terpakai bagi surat cara sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama yang disempurnakan pada atau selepas 3 Julai 2012 tetapi tidak lewat dari 2 Julai 2015.

#### **JADUAL PERTAMA**

1. Kontrak atau perjanjian bagi penjualan atau penyewaan harta (tanah, bangunan, jentera dan peralatan)
2. Surat cara pindah milik dan memorandum persefahaman
3. Perjanjian pinjaman atau pembiayaan
4. Perjanjian penyewaan yang pertama